| | | |
|---|---|---|
| Aras 1 | Peminjaman, Pemulangan dan Pembaharuan, Keahlian, Denda, Laporan Buku Hilang | 03-89467678 / 03-89468629 / 03-89468445 / 03-89468448 |
| | Perkhidmatan Pembekalan Dokumen | 03-89468629 / 03-89468467 |
| | Perkhidmatan Penelitian Maklumat | 03-89468446 |
| | Program Literasi Maklumat | 03-89468620 |
| | Pustakawan Penghubung | 03-89468620 |
| | Pembelian / Buku Hadiah | 03-89468619 / 03-89468652 |
| | Perkhidmatan Pendidikan Jarak Jauh | 03-89468620 / |
| Aras 2 | Koleksi Khas | 03-89468606 / 03-89468613 |
| **Blok B** | | |
| Aras 1 | Koleksi Terbitan Bersiri / Jurnal | 03-89468644 |

**Perpustakaan Perubatan dan Sains Kesihatan (PPSK)**

| HARI | WAKTU SEMESTER | CUTI SEMESTER |
|---|---|---|
| Isnin - Khamis | 8.30 pg - 8.30 mlm | 8.30 pg – 6.30 ptg |
| Jumaat | 8.30 pg - 11.45 pg<br>2.45 ptg - 8.30 mlm | 8.30 pg - 11.45 pg<br>2.45 ptg - 4.30 ptg |
| Sabtu | 8.30 pg - 3.30 ptg | Tutup |
| Ahad dan Cuti Umum | Tutup | |

| PERKHIDMATAN (ARAS BAWAH) | NO. DIHUBUNGI |
|---|---|
| Pertanyaan Am | 03-89472361 / 03-89472318 |
| Rujukan / Program Literasi Maklumat, Pustakawan Penghubung | 03-89472361 |
| Peminjaman, Pemulangan, Pembaharuan, Keahlian, Denda, Laporan Buku Hilang | 03-89472312 / 03-89472318 |

**Perpustakaan Perubatan Veterinar (PPV)**

| HARI | WAKTU SEMESTER | CUTI SEMESTER |
|---|---|---|
| Isnin - Khamis | 8.30 pg - 5.45 ptg | 8.30 pg - 4.45 ptg |
| Jumaat | 8.30 pg - 12.00 ptg<br>2.45 ptg - 5.45 ptg | 8.30 pg - 12.00 ptg<br>2.45 ptg - 4.45 ptg |
| Sabtu, Ahad dan Cuti Umum | Tutup | |

| PERKHIDMATAN (ARAS BAWAH) | NO. DIHUBUNGI |
|---|---|
| Pertanyaan Am | 03-86093867 / 03-86093870 / 03-86093869 |
| Rujukan / Program Literasi Maklumat | |
| Peminjaman, Pemulangan, Pembaharuan | |
| Keahlian, Denda, Laporan Buku Hilang | |
| Pustakawan Penghubung | 03-86093869 |

**Perpustakaan Kejuruteraan dan Senibina (PKSB)**

| HARI | WAKTU SEMESTER | CUTI SEMESTER |
|---|---|---|
| Isnin - Khamis | 8.30 pg - 8.45 mlm | 8.30 pg – 4.45 ptg |
| Jumaat | 8.30 pg - 12.00 ptg<br>2.45 ptg - 8.45 mlm | 8.30 pg - 12.00 ptg<br>2.45 ptg - 4.45 ptg |
| Sabtu, Ahad dan Cuti Umum | Tutup | |

| PERKHIDMATAN | NO. DIHUBUNGI |
|---|---|
| Pertanyaan Am | 03-89471576 / 03-89471578 / 03-89471575 / 03-89471577 |
| Program Literasi Maklumat, Perkhidmatan Rujukan | 03-89471577 / 03-89471575 |
| Peminjaman, Pemulangan, Pembaharuan, Keahlian, Denda, Laporan Buku Hilang | 03-89471576 / 03-89471575 |
| Pustakawan Penghubung | 03-89471575 (Fakulti Kejuruteraan)<br>03-89471577 (Fakulti Rekabentuk dan Senibina) |

** Anjung Siswazah dan Kaunter Perkhidmatan ditutup sementara dari jam 12.15 t/hari – 2.45 ptg setiap hari Jumaat.




# PANDUAN PERPUSTAKAAN

Perpustakaan Sultan Abdul Samad & Perpustakaan Cawangan

www.lib.upm.edu.my | 2017/2018





Pertanyaan Am: **03 8946 8642**
Faksimili: **03 8948 3745**
Laman Sesawang: **www.lib.upm.edu.my**
Facebook: **www.facebook.com/upmlib**
E-mel: **lib@upm.edu.my**

**Perpustakaan Sultan Abdul Samad**
**Universiti Putra Malaysia**
**43400 UPM Serdang**
**Selangor Darul Ehsan**


UPM UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA BERILMU BERBAKTI

SPP/PSAS PRASISWAZAH 2017

## PENGENALAN

Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia terdiri daripada dua blok bangunan berkembar Blok A dan Blok yang mempunyai keluasan lantai kira-kira 19,007 meter persegi dan menyediakan tempat duduk untuk lebih 2,000 orang pengguna pada setiap satu masa.

Selain itu, PSAS juga menyediakan ruang khusus untuk pelajar pasca siswazah yang dikenali sebagai Anjung Siswazah yang terletak di Blok B, PSAS. Ianya dilengkapi dengan pelbagai kemudahan yang bersesuaian dengan aktiviti pembelajaran dan penyelidikan.

PSAS sentiasa berusaha untuk menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang terbaik kepada penggunanya sejajar dengan peredaran teknologi maklumat dan keperluan semasa. Selain menyediakan bahan bercetak dan bahan media, PSAS juga menyediakan maklumat dalam format elektronik. Bagi menampung peningkatan jumlah pengguna dan memenuhi keperluan maklumat fakulti, PSAS kini mempunyai 4 buah cawangan, 3 di kampus Serdang manakala 1 lagi terletak di kampus Bintulu, Sarawak.

## OBJEKTIF PERPUSTAKAAN

- Memenuhi keperluan maklumat Universiti dalam kegiatan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan perundingan.
- Mengoptimumkan penggunaan pelbagai kemudahan dan sumber maklumat.
- Memperkukuh program pendidikan pelanggan ke arah pembelajaran sepanjang hayat.

## PERPUSTAKAAN PERUBATAN DAN SAINS KESIHATAN (PPSK)

Perpustakaan ini terletak di Blok Pentadbiran, Kompleks Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan, Universiti Putra Malaysia, ditubuhkan pada 1998. Bangunan Perpustakaan yang mempunyai 3 aras ini boleh memuatkan 200 tempat duduk. Ia berfungsi untuk memberi perkhidmatan maklumat kepada staf dan pelajar fakulti. Pelbagai kemudahan dan perkhidmatan disediakan, antaranya katalog berkomputer, akses kepada pangkalan data dalam talian dan sebagainya.

Perpustakaan ini mempunyai koleksi sebanyak 39,000 naskhah yang terdiri daripada buku, jurnal, bahan media, tesis dan kertas projek. Keseluruhan koleksi adalah dalam bidang perubatan, sains kesihatan dan bidang lain yang berkaitan.

## PERPUSTAKAAN PERUBATAN VETERINAR (PPV)

Perpustakaan Perubatan Veterinar telah ditubuhkan pada 29 November 1999 bagi menyokong kegiatan pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan perundingan Fakulti. Terletak di Aras Bawah dan Aras Satu Blok Akademik, Kompleks Fakulti Perubatan Veterinar. Perpustakaan ini berkeluasan 8,000 kps dan mampu memuatkan 152 tempat duduk untuk pengguna. Sehingga kini, koleksi Perpustakaan mempunyai 21,000 naskhah yang terdiri daripada buku, jurnal berjilid, bahan media, tesis dan laporan projek tahun akhir pelajar yang meliputi bidang perubatan veterinar, sains haiwan dan bidang lain yang berkaitan.

## PERPUSTAKAAN KEJURUTERAAN DAN SENIBINA (PKSB)

Perpustakaan Kejuruteraan dan Senibina (PKSB) telah memulakan perkhidmatannya pada awal Julai 2008, di Tingkat Bawah, bangunan pentadbiran Fakulti Kejuruteraan. Perpustakaan kemudiannya telah berpindah ke bangunan baharu pada November 2011 yang boleh menampung 200 tempat duduk dalam satu masa. Ia berkonsepkan kluster yang memberi perkhidmatan kepada Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Rekabentuk dan Senibina. Objektif penubuhannya ialah untuk menyokong pembelajaran, pengajaran, penyelidikan dan perundingan di Fakulti Kejuruteraan dan Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia. Kini koleksi Perpustakaan berjumlah hampir 40,000 naskhah yang terdiri daripada buku teks, buku rujukan, tesis dan laporan projek yang meliputi bidang kejuruteraan, senibina dan bidang lain yang berkaitan.

## KELAYAKAN PINJAMAN

| PELAJAR | KELAYAKAN / TEMPOH PINJAMAN |
|---|---|
| Pelajar Ijazah Lanjutan | 20 naskhah / 30 hari |
| Pelajar Perubatan Klinikal / Veterinar | 10 naskhah / 30 hari |
| Pelajar Ijazah | 10 naskhah / 14 hari |
| Pelajar Diploma / Asasi Sains | 6 naskhah / 14 hari |
| Pelajar Ijazah Pendidikan Jarak Jauh | 10 naskhah / 30 hari |
| Kursus Khas (Kursus Jangka Pendek - melebihi tempoh 6 bulan) | 2 naskhah / 14 hari |

## PERATURAN

1. Kelewatan memulangkan buku
   - Denda sebanyak RM0.20 sen sehari akan dikenakan bagi setiap buku yang lewat dipulangkan.
   - Denda boleh dibayar di semua Kaunter Sirkulasi di Perpustakaan Utama dan Cawangan.
   - Bagi denda yang melebihi 3 bulan:
     - Pelajar – denda akan dipindahkan ke Lejar Hutang Pelajar.
2. Buku hilang / basah / rosak

   2.1 Buku basah / rosak
   - Pastikan fizikal buku dalam keadaan baik sebelum membuat pinjaman. Sekiranya tidak, peminjam perlu mendapatkan cop “Bahan telah rosak” di Kaunter Sirkulasi sebelum meneruskan pinjaman.
   - Sekiranya buku didapati dipulangkan dalam keadaan basah / rosak, pengguna akan dikenakan penalti.
     Penalti adalah seperti dibawah:-
     - Membuat penggantian buku + bayaran perkhidmatan + denda, atau
     - Membayar harga buku + bayaran perkhidmatan + denda

   2.2 Buku hilang
   - Sekiranya buku yang dipinjam hilang, laporkan segera di Kaunter Sirkulasi Perpustakaan Utama atau Cawangan, untuk tindakan selanjutnya.
   - Penggantian / pembayaran buku hilang mesti dilakukan dalam tempoh 1 bulan selepas laporan dibuat. Selepas tarikh tersebut, denda akan dimasukkan ke Lejar Hutang Pelajar.Mencuri, mengoyak bahan Perpustakaan boleh menyebabkan pengguna didenda.
3. Pengguna mempunyai denda yang belum dijelaskan tidak akan dibenarkan untuk melakukan sebarang transaksi atau menggunakan perkhidmatan perpustakaan.
4. Sebarang bentuk penyalinan maklumat menggunakan peralatan elektronik tidak dibenarkan di ruang koleksi Media dan Koleksi Pertanian Malaysia.
5. Pengguna tidak dibenarkan menempah tempat duduk di ruang bacaan Perpustakaan.
6. Kanak-kanak tidak dibenarkan masuk ke dalam Perpustakaan.
7. Pelajar dikehendaki mempamerkan kad pelajar ketika berada di Perpustakaan.

**Ketua Pustakawan mempunyai kuasa untuk meminda peraturan Perpustakaan jika dirasakan perlu.**

## WAKTU & DIREKTORI PERKHIDMATAN

**Perpustakaan Sultan Abdul Samad**

| WAKTU SEMESTER | |
|---|---|
| Isnin - Jumaat | 8.30 pg - 10.30 mlm |
| Sabtu dan Ahad | 8.30 pg - 3.30 ptg |
| Sabtu pertama dan ketiga setiap bulan | Tutup |
| Cuti Umum | Tutup |
| **CUTI SEMESTER** | |
| Isnin - Jumaat | 8.30 pg - 7.30 mlm |
| Sabtu dan Ahad | Tutup |
| Cuti Umum | Tutup |

| LOKASI | PERKHIDMATAN | NO. DIHUBUNGI |
|---|---|---|
| **Blok A** | | |
| Aras Bawah | Salinan Foto, Cetakan Berkomputer, Perkhidmatan Faksimili, Pengimbasan | 03-89468643 |
| | Perkhidmatan Media (Auditorium, Bilik Termasa, Bilik Audiovisual, Koleksi Media) | 03-89468616 |
| Aras 1 | Meja Penasihat Pengguna / Rujukan Am | 03-89468642 |